

BERITA HARIAN

MINDA PENGARANG

Ketegasan Najib pertahan kontrak sosial bukti UMNO terus tradisi perjuangan

UCAPAN dasar Presiden UMNO ketika merasmikan Perhimpunan Agung ke-61 semalam, sarat dengan mesej dan peringatan penting yang bukan saja ditujukan kepada ahli serta perwakilan UMNO, malah patut direnungi bersama seluruh rakyat pelbagai kaum di negara ini. Jika kita amati secara mendalam inti pati sebenar yang terkandung dalam ucapan beliau, perkara pokok yang mahu disampaikan Datuk Seri Najib Razak, yang juga Perdana Menteri ialah pentingnya rakyat setiap kaum menghentam perbuatan mengungkit apa yang telah dipersetujui oleh pemimpin kaum terdahulu serta hak keistimewaan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tindakan kaum tertentu yang terus mempersoalkan kedudukan dan hak keistimewaan orang Melayu boleh menggugat keamanan yang dinikmati selama ini. Harus diingat, tanpa Perlembagaan yang digubal, terutama menyentuh hak dan keistimewaan orang Melayu seperti yang termaktub, tidak mungkin rakyat berbilang kaum dapat hidup aman dan harmoni seperti dinikmati hari ini. Ahli UMNO dan orang Melayu tanpa mengira fahaman politik, pastinya lega dengan ketegasan dan keberanian Najib menjelaskan kedudukan itu. UMNO tidak berselindung atau sekadar mengungkap kata-kata manis di sebalik isu sebenar yang dihadapi. Sebaliknya berani mempertahankan hak itu kerana ia adalah asas perjuangan parti, sejak 53 tahun lalu. Kita sedar memang ramai masih kabur berhubung butiran Perlembagaan Persekutuan, termasuk ahli UMNO sendiri dan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain. Dengan penjelasan Najib, kita yakin ia dapat mengingatkan mereka bahawa Perlembagaan adalah kontrak sosial yang tidak boleh diubah sesuka hati dan tidak wajar dipertikai mana-mana pihak. Tiada sesiapa, mahupun parti politik yang berkuasa boleh meminda mana-mana artikel dalam

Perhimpunan Agung UMNO Ke-61



Ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak sempena Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM Rabbi ish-rah-li sadri wa-yassir-li amri wahlul uq-datan min-lisani yaf-qohu qauli. Assalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Yang Berbahagia Pengerusi Tetap, Yang Berbahagia Timbalan Pengerusi Tetap, Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden dan Puan Sri Norainee Abdul Rahman, Yang Amat Berbahagia, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Ali, Yang Amat Berbahagia, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Jeanne Abdullah, Naib Presiden-Naib Presiden, Ketua-Ketua Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO, Ahli-Ahli Majlis Tertinggi, Ketua-Ketua Komponen Parti Barisan Nasional (BN), dif-dif kehormat, tetamu dan jemputan, perwakilan dan pemerhati.


Mukadimah

Mengawali ucapan, marilah kita bersama-sama merenung dua firman Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah, ayat 143, berbunyi: *"Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu umat Islam umat pertengahan agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar Rasul yakni Muhammad menjadi saksi atas perbuatan kamu"*.

Dalam surah a-li Imran, ayat 159 pula terkandung firman yang menyebut: *"Maka disebabkan rahmat daripada Allah, kamu berlaku lemah lembut ter-*

Mendaya bangsa meneraju kemakmuran

UMNO nyala obor kebangkitan Melayu



yang berkuasa boleh meminda mana-mana artikel dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk memfakikan hak dan keistimewaan orang Melayu tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja yang mengikut Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan. Hakikat itu diperkukuhkan lagi dengan memberi kuasa kepada Parlimen, bagi menggubal undang-undang, melarang perbuatan mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian 3, Perkara 152, 153 dan Perkara 181.

Pada masa sama, orang Melayu jangan pula menjadikan hak dan keistimewaan yang ada sebagai satu perlindungan hakiki. Sebaliknya mereka perlu menerima hakikat bahawa hanya yang layak dan berusaha saja akan menempa kejayaan. Adalah malang jika orang Melayu menjadi melukut di tepi gantang atau bangsa yang hanya pandai memintaminta dan mengharapkan bantuan. Sebaliknya Melayu harus menjadi bangsa yang hebat dan tidak gentar bersaing sehingga ke persada antarabangsa. Kita perlu mempersiapkan diri dengan segala kelengkapan untuk maju dan dapat mempertahankan diri daripada ditewaskan dengan mudah oleh kaum lain. Jika orang Melayu lemah dan berpecah, kita mudah diperkotak-katikkan kerana ada pihak yang sentiasa berusaha menanggung di air keruh untuk melemahkan kuasa politik orang Melayu. Setiap ahli UMNO harus insaf dengan semangat yang ditunjukkan Najib untuk terus memimpin UMNO bagi memartabatkan maruah bangsa. Apatah lagi ketika usaha itu sentiasa cuba digagalkan oleh pengkhianat dan petualang dalam kalangan orang Melayu sendiri. Sudah tiba masanya seluruh ahli UMNO, sama ada sayap Wanita, Pemuda dan Puteri bertekad membantu Presiden UMNO dan barisan kepemimpinannya bersama-sama berjuang demi bangsa, agama dan negara.

SIDANG REDAKSI

■ PENGARANG URUSAN KUMPULAN NSTP
Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa

■ PENGARANG KUMPULAN BH5B
Datuk Mior Kamarul Shahid

■ TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BH5B
Mahfar Ali

■ PENGARANG EKSEKUTIF BERITA
Norhayati Md Said

■ PENGARANG EKSEKUTIF PENGELUARAN
Abdul Razak Rafflis

■ PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA
Zainor Said

hadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka akan menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu, maafkanlah mereka. Mohonkanlah ampun bagi mereka dan bermusyawarah dengan mereka dalam urusan itu”

Saudara dan saudari,

Alhamdulillah, kita merafakkan sepenuh rasa syukur ke hadirat Allah SWT yang telah memberi izin dan inayah-Nya supaya kita berkumpul sekali lagi dalam dewan yang penuh bermakna ini. Ucapan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW selaku pemimpin yang dimuliaikan dan sentiasa diambil pengajarannya.

Jika dihitung dan dicongak, Perhimpunan Agung kali ke-61 menandakan Dewan Merdeka yang bertuah ini, telah menyaksikan persidangan dilangsungkan sebanyak 25 kali sejak 1985. Begitulah, UMNO telah bertatih dan berjalan begitu jauh didewasakan oleh waktu.

Dalam pada itu, secara sedar atau tidak, selama lebih enam dekad UMNO telah berada di lapangan, menyalakan obor kebangkitan orang Melayu dan membela untung nasib bangsa. Sehubungan itu, dengan tegas kita mahu menyatakan bahawa sepanjang 64 tahun ini, United Malays National Organization atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yakni UMNO, adalah satu-satunya, suluh yang terang benderang, kepada cita rasa dan nurani orang Melayu.

Kerana itulah, tidak ada seorang pun dapat menafi, apatah lagi menidakan betapa besarnya pengaruh dan peranan parti keramat ini yang sejak turun-temurun kepemimpinannya



DATUK Seri Najib Razak merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

Cakap-cakap

RAMAI rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu terpegun mendengar ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO Ke-61, semalam. Mamat rasa kebimbangan mereka selama ini terhadap masa depan bangsa mereka khususnya keraguan mereka terhadap Gagasan 1Malaysia, terus reda setelah mendengar ucapan yang bersemangat, berani dan jujur itu.

Mamat – Orang Melayu sendiri mesti sedar diri



Mamat

Perhimpunan Agung UMNO Ke-61



PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYSIAN NATIONAL ORGANIZATION)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2010

21HB, 22HB DAN 23HB, OKTOBER 2010

BERSAMAAN 13, 14 DAN 15 ZULKAEDAH 1431 HIJRAH

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

BERSATU ~ BERTAMBAH ~ BERKUALITI ~ BERKHIDMAT



DATUK Seri Najib Razak bergambar kenangan dengan Ahli Majlis Tertinggi UMNO selepas perasmian Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

Perjuangan sekarang penerus aspirasi bangsa, rakyat

Mekanisme politik, sosioekonomi mesti digabung pastikan perpaduan nasional terus kekal

telah menongkah arus, menghilir pasang, sebagai teraju perubah tanah air.

Tali-temali wawasan negara

Saudara dan saudari,

Apa yang kita perjuangkan hari ini, bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya ia adalah penerusan kepada aspirasi bangsa Melayu serta rakyat Malaysia di kala kita membuat keputusan untuk menuntut kemerdekaan. Begitulah, sejak dulu, tiga prinsip dan pegangan utama kita yang sentiasa konsisten yakni pertama, kesatuan Melayu sebagai teras perpaduan nasional. Kedua, Islam sebagai Addin dan ketiganya kemakmuran negara bertonggakkan keadilan sosial.

Jika diimbau sebenarnya, pada awal 50-an, Presiden UMNO ketika itu, Allahyarham Datuk Onn Jaafar telah mengetengahkan idea untuk membuka pintu keahlian parti kepada orang bukan Melayu kerana beliau melihat realiti, bahawa kemerdekaan, tidak mampu dicapai tanpa kaum-kaum yang ada bersejua berkongsi kuasa.

Namun, rancangan Datuk Onn pada masa itu adalah terlalu progresif bagi ahli UMNO yang berasakan kedudukan bangsa Melayu masih belum kuat. Hasilnya, ia telah ditentang oleh majoriti ahli dan pemimpin UMNO. Akibat daripada itu, Datuk Onn telah keluar meninggalkan UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu bagi meneruskan cita-citanya. Kendatipun begitu, kita orang UMNO ini bak kata pantun:

Hidup sebambung di bawah teratak,

Berlain bantal satu hati,
Bercerai kasih bertalak tidak,
Ibarat rambut bersimpul mati

Di sudut lain, sekalipun idea Datuk Onn pada masa itu tidak dapat diterima UMNO, penggantinya, Almarhum Tunku Abdul Rahman yang telah dipilih menggantikan beliau, menyedari peri pentingnya kerjasama politik pelbagai kaum untuk mencapai kemerdekaan. Tunku kemudiannya mengambil strategi yang pada pandangannya adalah lebih realistik dan mampu diterima majoriti orang Melayu serta pelbagai ras dengan mempelopori satu gabungan bitara antara kaum.

Kerjasama ini, telah dizahirkan buat kali pertama pada 1955, melalui perkongsian kuasa Parti Perikatan yang mengumpulkan UMNO, MCA dan MIC, masing-masing, mewakili kaum Melayu, Cina dan India. Kemudian pula, pasca tragedi 13 Mei 1969, kepimpinan negara menyedari bahawa, perpaduan tidak mampu dipupuk dengan hanya menggunakan mekanisme politik tanpa disertai asas sosioekonomi bertunjangkan keadilan sosial.

Oleh kerana itu, selanjutnya, Allahyarham Tun Abdul Razak telah menggubal dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan matlamat membaikpulih ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum yang sebelum itu hampir memusnahkan keutuhan perpaduan nasional. Pendekatan baru ekonomi ini, sebetulnya telah dimungkinkan de-

ngan kedinamikan sistem pasaran yang dibina oleh Almarhum Tunku sebelum itu.

Saudara dan saudari,

Di sini, suka saya menarik kembali perhatian sebahagian daripada kita dan pihak-pihak yang barangkali terlepas pandang bahawa, matlamat Dasar Ekonomi Baru sebenarnya, adalah, untuk membina perpaduan nasional. Cumanya, alat dasar yang telah diguna pakai bersifat sosioekonomi, bukannya politik semata-mata seperti yang dilakukan pimpinan terdahulu melalui penubuhan Parti Perikatan.

Dalam helaian nafas yang sama, Tun Razak tidak melupakan kepentingan mekanisme siasah sebagai alat memupuk perpaduan. Beliau, telah memperbesarkan Parti Perikatan dan membentuk tapaknya melalui penubuhan Barisan Nasional. Menerusi landasan kerjasama serta perkongsian kuasa antara kaum, ia diperluaskan melalui negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Hendaklah jangan kita lupa, jambatan pertama yang dibina antara negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak merentasi Laut China Selatan adalah jambatan politik Barisan Nasional, yakni 11 tahun selepas penubuhan Malaysia. Ia dimantapkan lagi kemudiannya, dengan kehadiran UMNO di Sabah, Bumi di Bawah Bayu, pada 1991.


Sejurus, apabila Dasar Ekonomi Baru tamat pada 1990, Tun Dr Mahathir, Perdana Menteri pada ketika itu, telah memperkenalkan pernyataan arah tuju kebangsaan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Melalui kertas kerja bertajuk "Malaysia; Melangkah ke Hadapan" yang disampaikan

ketika melancarkan Majlis Peradangan Malaysia pada 28 Februari 1991, beliau memvisikan bahawa, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju dalam tempoh tiga dasawarsa.

Pada saat itu, diimpikan menjelang 2020, Malaysia akan menikmati taraf hidup yang sama dengan Amerika Syarikat. Pendapatan perkapita Amerika Syarikat pada masa itu adalah kira-kira AS\$20,000. Sungguhpun kita tahu, ada pihak yang mengatakan matlamat ini adalah angan-angan Mat Jenin, alasan Tun Dr Mahathir adalah begitu kemas sekali. Beliau menyatakan dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru, pukul rata pertumbuhan tahunan negara adalah 6.7 peratus. Jika dalam tempoh tiga puluh tahun hingga 2020, pertumbuhan boleh ditingkatkan kepada 7 peratus yakni sepuluh kali tiga peratus lebih tinggi daripada pukul rata tahun-tahun 1971 hingga 1990, maka wawasan yang dicitakan tidak mustahil untuk dicapai.

Di samping aspek ekonomi, beliau telah menggariskan sembilan lagi cabaran sosiopolitik yang perlu dihadapi sebelum Wawasan 2020 boleh direalisasikan. Paling utama adalah, mengukuhkan perpaduan nasional atau matlamat untuk membentuk bangsa Malaysia. Pengalaman Dasar Ekonomi Baru menunjukkan bahawa pengagihan saksama hanya akan berlaku dalam ekonomi yang teguh.

Apa yang sangat jelas di sini, bagi memastikan perpaduan nasional, kedua-dua mekanisme, politik dan sosioekonomi harus diguna dan di-



“ Apa yang kita perjuangkan hari ini, bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya ia adalah penerusan kepada aspirasi bangsa Melayu serta rakyat Malaysia di kala kita membuat keputusan untuk menuntut kemerdekaan ”

Perhimpunan Agung

UMNO diberi amanah untuk pimpin rakyat pelbagai kaum

Masyarakat Malaysia tidak wajar lupa parti ubah kedudukan Melayu selepas Perang Dunia Kedua

DARI MUKA 23

pertemuan. Ertinya, perpaduan nasional tidak akan ampuh tanpa keadilan sosial, manakala keadilan sosial pula tidak mampu dicipta tanpa kestabilan politik serta kemakmuran ekonomi yang berteraskan perpaduan nasional. Ringkasnya, ketiga-tiga elemen itu adalah saling melengkapi, saling berkait dan saling mengukuhkan antara satu sama lain.

Saudara dan saudari,

Setelah diamanahkan untuk memimpin parti dan negara kira-kira 18 bulan yang lalu, dengan penuh tradisi harmoni kesinambungan kepemimpinan UMNO yang diserahkan oleh Tun Abdullah, saya telah membuat keputusan untuk tidak mencipta semula roda tetapi untuk mengambil teladan akan kebijaksanaan dan pandangan jauh pendahulu kepimpinan parti dan negara melalui formula yang dicuba serta telah teruji oleh zaman.

Maka, lahirlah falsafah induk 1Malaysia yang merupakan penerusan kepada wawasan pragmatik bapa-bapa kita dalam parti dan kerajaan. Perpaduan nasional adalah sesuatu yang dinamik. Ia harus sentiasa dibajai dan dijaga, jika tidak, ia akan hancur berkecai. Parti Perikatan terbentuk di ambang merdeka bertepatan waktunya, namun pas-

ca tragedi 13 Mei 1969, menyaksikan model ini perlu dipulih rawat melalui Barisan Nasional dan elemen keadilan sosial melalui Dasar Ekonomi Baru.

Kesimpulannya, susur galur dan tali-temali usaha yang dipasak oleh Almarhum Tunku disambung oleh Allahyarham Tun Razak melalui Barisan Nasional dan Dasar Ekonomi Baru. Allahyarham Tun Hussein pula dikenali sebagai Bapa Perpaduan yang tegas dan tulus dalam melaksanakan khidmatnya. Kemudiannya Tun Dr Mahathir meneruskannya dengan konsep Bangsa Malaysia. Disusuli Tun Abdullah yang membina usaha memantapkan modal insan dan mengolah Misi Nasional dalam meneraju negara.

Saudara dan saudari,

Sekiranya perpaduan nasional, kemakmuran dan keadilan sosial adalah saling mengikat dan berpilin, maka, selain 1Malaysia, kita memperkenalkan inisiatif Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP dan 6 NKRAny serta Pelan Transformasi Ekonomi atau ETP untuk membina kemakmuran demi kesejahteraan rakyat.

Seperti yang telah dibentangkan sebelum ini, ETP adalah satu pelan yang komprehensif, merangkumi garis-garis besar Model Baru Ekonomi dan lapan prakarsa strategik. Ia juga mengandungi arah tuju yang jelas

dengan 12 NKEAny serta mekanisme pelaksanaan jitu melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Dalam hubungan ini lagi, Gagasan 1Malaysia juga adalah selaras dengan nilai Islam dan semangat yang ditunjukkan sirah Rasulullah SAW dalam pembentukan negara dan ketamadunan Islam terawal di Madinah. Masyarakat yang berada di Madinah pada waktu itu, terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, hidup penuh rukun lagi harmoni, berasaskan Perlembagaan yang mengutamakan serta mempertahankan agama serta keadilan kepada semua pihak. Perlembagaan itu juga melindungi kaum minoriti serta memberi kebebasan mengamalkan agama kepada orang bukan Islam.

Saudara dan saudari,

Jelasnya, ini bukanlah impian baru. Inilah impian abadi negara dari dulu dan selamanya. Ia adalah gagasan Allahyarham Datuk Onn, cita-cita Almarhum Tunku Abdul Rahman, harapan Allahyarham ayahanda saya, kemahuan Allahyarham Tun Hussein, aspirasi Tun Dr Mahathir dan kehendak Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pastinya, ia kini menjadi wawasan saya, bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin dan rakan-rakan dalam UMNO, Barisan Nasional dan juga kerajaan.

Saya penuh yakin dan percaya, ia adalah hasrat murni didukung tuan-tuan dan puan-puan yang berada di dalam dewan dan di luar dewan, serta semua rakyat negara tercinta ini. Pendek kata, biar siapapun kita, di mana jua berada, kita adalah 1Malaysia.

Kepemimpinan dalam budaya Melayu dan UMNO

Saudara dan saudari,

Di atas semua ini, jika diteliti, dalam budaya Melayu, hal kepemimpinan amatlah pelbagai. Mulai daripada kepemimpinan rumah tangga, dusun dan kampung sampailah kepada kepemimpinan bangsa dan negara. Oleh sebab besar dan pentingnya pengaruh dalam kehidupan, maka pemimpin diberi kepercayaan dan tanggungjawab memandu umat seperti tercermin dalam ungkapan "adat memegang kepercayaan orang, jangan sekali-kali menikam belakang, adat memegang kekuasaan, jangan sekali-kali merosakbinasakan, adat memegang kebebasan, jangan sekali-kali lupa batasan".

Makanya, pada saat ini, biar apa sekalipun suka duka, pahit maung, kritik cela yang dihadapkan lawan kepada UMNO, tawarikh jelas memperlihatkan bahawa, kita sudah bertahan lebih daripada 60 tahun dengan khidmat, jasa dan bakti yang

mendalam kepada pembangunan umat Melayu juga negara. Tambah lagi, kebolehan dan kewibawaan UMNO telah tersanjung tinggi bukan saja di rantau sebelah sini malah menjangkau ke seantero dunia.

Sememangnya lagi, sejak puluhan tahun, apa yang diperkatakan bukanlah omongan kosong. Terakam jelas dalam catatan negara, parti inilah yang telah menukar perpecahan kepada perpaduan, daripada pemikiran terjajah kepada pemikiran merdeka, daripada tidak percaya kepada kebolehan masing-masing kepada keyakinan mandiri yang membanggakan, daripada berputus asa kepada penuh harapan.

Jangan kita lupa, parti inilah yang berperanan merubah orang Melayu daripada bangsa yang tidak berkesedaran politik sebelum Perang Dunia Kedua kepada bangsa yang mampu merebut kemerdekaan dengan siasah hujung lidah menundukkan kuasa besar dunia iaitu pihak British.

Tidak cukup dengan itu, tersusun kemas dalam rekod negara, parti UMNOlah yang telah menggerakkan kesedaran nasionalisme, semangat patriotisme dan demokrasi politik. Dalam gambaran besarnya, terbukti utuh bahawa, kepemimpinan UMNO telah berjaya sebagai teraju ulung yang mentransformasikan Malaysia dengan begitu pantas seperti apa yang kita kecapai hari ini.



فريديون كينسان ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
(UNITED MALAYE NATIONAL ORGANISATION)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2010

21HB, 22HB DAN 23HB. OKTOBER 2010

BERSAMAAN 13, 14 DAN 15 ZULKAEDAH 1431 HIJRAH

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

BERSATU ~ BERSETIA ~ BERKHIDMAT



DATUK Seri Najib Razak bergambar kenangan dengan Ahli Exco Wanita UMNO sebelum perasmian Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

Saudara dan saudari,
Menyongsong kisah pencapaian itu, kita ingin bertanya, apakah jenis bangsa yang berjaya menunjangi perjuangan hebat ini? Apakah sistem nilai yang dipegang? Persoalannya di sini, bukanlah kita ingin terganggu dengan kejayaan lalu, na-

PERHIMPUNAN

21HB, 22HB DAN 23HB. OKTOBER 2010

BERSAMAAN 13, 14 DAN 15 ZULKAEDAH 1431 HIJRAH

PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

BERSATU ~ BERSETIA ~ BERKHIDMAT



DATUK Seri Najib Razak bergambar kenangan dengan Ahli Exco Wanita UMNO sebelum perasmian Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

ng UMNO Ke-61

aum

a

mun, marilah kita menyingkap apakah kekuatan dan apakah faktor yang menjadi asas kepada keutuhan pertubuhan yang bermakna ini.

Dalam konteks ini, sesuai jika saya mengungkap beberapa baris puisi indah oleh Sasterawan Negara, Al-lahyarham Usman Awang serta bait-bait coretan gurindam daripada seorang tokoh persuratan, Tenas Effendy yang membicarakan mengenai Melayu. Pertama sekali dari segi usul dan asalnya disebut: Melayu itu, kaya falsafahnya, Melayu itu, orang yang bijaksana, Akal budi bersulamkan daya, Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu, Banjar juga disebut Melayu, Minangkabau memang Melayu, Keturunan Aceh adalah Melayu.

Saudara dan saudari,

Tidak lengkap lagi senarai ini sebenarnya: Jakun dan Sakai asli Melayu, Arab dan Pakistani, semua Melayu Mamak dan Malbari serap ke Melayu. Malah muallaf bertakrif Melayu. Mendakap realiti semasa Malaysia pula: Kadazan, Bajau, India Muslim dan Siam, Melanau, Bidayuh dan berpuluh suku kaum. Kita bersama dalam serumpun., Di sudut perpaduan dan agama dinyatakan bahawa: Watak Melayu menolak permusuhan. Setia dan sabar tiada sempadan. Maruah dan agama dihina jangan. Hebat amuknya tak kenal lawan.



DATUK Seri Najib Razak bergambar kenangan dengan Ahli Exco Pemuda UMNO sebelum perasmian Perhimpunan Agung UMNO Ke-61 di PWTC, semalam.

Berdasarkan baris-baris yang saya lafaskan, begitu langsung memperlihatkan betapa, dalam sifat, psikologi, dan sikap atau perwatakan Melayu itu terpamer asas-asas yang membenih nilai kepimpinan murni. Jika digarap lagi, demikianlah orang Melayu, meletakkan martabat tinggi kemuliaan sikap pemimpin dan kepemimpinan dalam masyarakat.

Terbukti, di sudut leluhurnya, bangsa Melayu itu, sejak sekian lama telah merentas ujian waktu. Kepe-

mendidik dan mendukung pendekatan wasatiah. Wasatiah, adalah suatu kaedah mengamalkan kehidupan individu mahupun masyarakat secara berimbang dan syumul dalam segenap bidang terutama dalam soal yang menyangkut perpaduan dan kenegaraan.

Sesudah itu, dari semasa hingga semasa, ajaran Al-Quran serta sunnah disulam dan dijalin kemas dalam anyaman hidup seharian orang Melayu. Sejak itulah juga hingga ki-

jayaan seseorang nyatanya, hanyalah dihadkan oleh kreativiti, inovasi dan kesanggupan individu itu sendiri, untuk bekerja keras serta mengambil risiko.

Misalnya, kaum bukan Bumiputera, setelah 39 tahun dasar afirmatif dilaksanakan, masih lagi merupakan kaum yang memiliki kekayaan terbesar. Kita menyedari, ada pihak mendakwa tindakan afirmatif itu sendiri yang mendatangkan kesusahan, akan tetapi, bukti empirikal



“ *Jangan kita lupa, parti inilah yang*

berperanan merubah orang Melayu daripada bangsa yang tidak berkesedaran politik sebelum Perang Dunia Kedua kepada bangsa yang mampu merebut kemerdekaan dengan siasah huiung lidah.

Seterusnya dari perspektif kepemimpinan dan amanah, Melayu dimadahkan: Menjadi pemimpin sifatnya agung. Syarak dipakai adat dijunjung. Hidupnya mengabdikan kepada rakyat. Taat setia membela umat. Akhirnya, disimpulkan Melayu itu: Dijadikan induk kuat berdiri. Umat sentosa bertuahlah negeri.

Saudara dan saudari,

ribadian inilah juga yang menyebabkan Melayu diterima sebagai pemimpin dalam sebuah masyarakat majmuk. Sikap inilah juga menjadi bekal sebagai bangsa yang diamanahkan menggalas kepemimpinan negara.

Lebih indah pula, ciri kepemimpinan Melayu yang saya utarakan ini, telah dimurnikan dengan tibanya ajaran Islam yang menyeru,



Anggota dengan Ahli Exco Puteri UMNO sebelum perasmian Perhimpunan Agung

nilai orang Melayu, padang diwarnai dengan hala cara wasatiah atau pertengahan. Merujuk ulama tafsir, disyarahkan bahawa, umat wasatiah secara tuntasnya adalah umat yang adil lagi berdaya maju, bekerja keras untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Kepemimpinan UMNO – Satu tanggungjawab moral dalam pengurusan kaum

Saudara dan saudari,

Lanjutan daripada itu, seperkara yang amat mustahak untuk diingat adalah, dalam menentukan jatuh bangun sesebuah negara, kita memerlukan corak kepemimpinan yang betul dan pemahaman jujur pada wacananya, apatah lagi dalam sebuah negara bitara seperti Malaysia.

Sehubungan itu, bersyukurlah bahawa Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, kekal stabil serta bebas daripada sebarang konflik besar. Sayugia, setiap orang perlu menerima hakikat bahawa kepelbagaian kaum adalah satu rahmat dan aset anugerah daripada Allah SWT.

Sesungguhnya, kemajmukan adalah sumber kekuatan kita selama ini. Begitulah dunia tercipta dan akan kekal selamanya begitu. Apa yang mustahak adalah, bagaimana kita memanfaatkan aset ini bagi menunjangi kejayaan negara.

Berkait perkara itulah, semua pihak perlu mengambil sikap berlapang dada, kerana sekalipun kita mengamalkan tindakan afirmatif untuk menjamin keadilan sosial, ke-

menunjukkan sebaliknya. Sebenarnya, sikap penerima bantuan, cara pelaksanaan dan landskap di mana tindakan itulah yang menjadi punca masalah.

Saudara dan saudari,

Sementelahan itu, apabila ada pihak yang mula mempersoalkan mengenai kedudukan bangsa Melayu sebagai bangsa yang dilindungi dengan hak-hak tertentu, ia telah menimbulkan kekusaran serta rasa tidak puas hati kepada kita yang amat terkenal dengan sikap dan sifat akomodatifnya. Ibarat api dalam sekam, perasaan ini telah mula membara dan mungkin mentular sehingga berupaya merosakkan keharmonian perhubungan ras yang telah terjalin sejak dulu.

Sayang seribu kali sayang juga, setelah 53 tahun kita merdeka, hari ini, rakyat Malaysia sedang berhadapan dengan asakan bertalu-talu terhadap teras-teras utama perhubungan kaum yang wujud selama ini. Jika polemik nasional ini tidak ditangani dengan baik, kita berasa amat cuak, kerana, ia berkemungkinan menjadi ancaman kepada perpaduan negara.

Sebab itulah, saudara dan saudari, kita perlu sentiasa berwaspada, kita perlu terus mengingatkan diri masing-masing bahawa, kejayaan pertiwi tercinta sememangnya dimungkinkan oleh sumbangan, idea dan pengorbanan pelbagai kaum. Hakikatnya pun, ia bukanlah jasa, mahupun ikhtiar eksklusif satu kaum semata-mata, akan tetapi segalanya

stasan nujung tuhan menundukkan kuasa besar dunia iaitu pihak British”

“ *Apabila ada pihak yang mula mempersoalkan mengenai kedudukan bangsa Melayu sebagai bangsa yang dilindungi dengan hak-hak tertentu, ia telah menimbulkan kekusaran serta rasa tidak puas hati kepada kita yang amat terkenal dengan sikap dan sifat akomodatifnya”*

Perhimpunan Agung UMNO Ke-61



Usah pertikai kedudukan Bumiputera Semua pihak mesti pertahan kontrak sosial, elak perpecahan

DARI MUKA 33

merupakan hasil mahsul, tuai kudrat oleh semua kaum secara kolektif.

Apakah yang menjadi masalah dalam keadaan ini, ketegangan akan timbul apabila, sejarah dienteng, atau, dilupakan akibat perjalanan masa, atau juga, apabila ada pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang cuba mentafsir semula semua itu, supaya sesuai dengan kepentingan serta agenda sempit kelompok masing-masing.

Kerana yang demikianlah, pemimpin oportunistik, menanggung di air keruh, sebenarnya musang berbulu ayam, bermain api permusuhan dan memanipulasi keadaan, sangat ditolak dalam kepemimpinan. Mereka tidak layak digelar pemimpin.

Saudara dan saudari,

Awaslah, awaslah kita, terhadap saudagar mimpi yang membuai dengan dongengan, menjadi petualang memintal kepalsuan, menenun kebencian, memperdagang fitnah, mengadun madu dengan tuba, meleceh pengorbanan dan tanpa segan silu, mengajak kita menikmati

percaya dan rapuhlah rasa penghormatan di antara kita, kerana, masing-masing akan dihidapi penyakit kesangsian terhadap motif, kejujuran serta keikhlasan terhadap satu sama lain. Hal yang membarah sebegini berbahaya, saya ulang, amat berbahaya kepada sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya seperti Malaysia kerana ia berpotensi menghancurkan segala apa yang dibina sejak lebih 50 tahun yang lalu.

Satu hal yang pasti, timbal balas dipersembahkan bukan saja oleh bangsa Melayu, tetapi juga oleh kaum lain. Ia dimanifestasi melalui muafakat murni iaitu bagi memperoleh kerakyatan, orang bukan Melayu telah sanggup menerima prinsip hak keistimewaan seperti termaktub di bawah peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Kemudian itulah, kewarganegaraan Malaysia pada dasarnya bukan lagi bersifat sama rata dan sama rasa tetapi telah disesuaikan dengan realiti yang ada demi matlamat dan kepentingan jangka panjang nasional.

Saudara dan saudari,

Inilah sebenarnya asas teras kepada kontrak yang telah dimuafakatkan bapa-bapa pengasas mewakili kaum masing-masing di ambang kemerdekaan. Ia kemudian telah dimuktubkan sebagai kontrak sosial nasional, tertinta dalam perkara dan fasal Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi negara. Mahu tidak mahu, kita sewajibnya menghormati kesepakatan mulia yang telah dilakukan kerana itulah kunci kepada kelangsungan dan survival kebangsaan.

Kini pula, sebagai generasi kepemimpinan mutakhir, kita telah diamanahkan untuk menghadapi tuntutan zaman monumental ini seperti generasi kepemimpinan pertama yang telah dihadapi dengan cabaran untuk membina asas kepelbagaian. Oleh itu, adalah amat tidak bertanggungjawab jika kita memilih jalan berpeluk tubuh dan duduk bersimpuh tanpa berbuat apa-apa. Lebih teruk lagi jika ditanggungkan pula beban ini kepada generasi kepemimpinan akan datang.

Demikian itulah, kita harus

membina landasan baru perhubungan kaum di Malaysia dengan mengambil kira dua prinsip penting. Pertamanya, ia haruslah berasaskan masa depan yang dikongsi bersama dan kedua, ia harus mengambil kira faktor sejarah tanpa mengetepikan realiti hari ini serta potensi masa depan.

Saudara dan saudari,

Sememangnya, manusia tidak wujud dan hidup dalam sebuah utopia. Manusia tidak dapat lari dari realiti dan persekitaran. Malaysia adalah sebuah negara berasaskan keluhuran Perlembagaan dan keaulatan undang-undang seperti mana ideologi kebangsaan yang ternukil dalam panca prinsip Rukun Negara.

Seperti yang kita maklum, kedudukan orang Melayu serta Bumiputera dan kepentingan kaum-kaum lain dari segi politik telah termaktub jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia terkunci ke dalam artikel-artikel Bahagian 3 mengenai kewarganegaraan, Perkara 38 berkait Majlis Raja-Raja, Perkara 152 mengenai Bahasa Kebangsaan dan Perkara 153 mencakupi antara lain perezapan (pewar-



“Awaslah, awaslah kita, terhadap saudagar mimpi yang membuai dengan dongengan, menjadi petualang memintal kepalsuan, menenun kebencian,

buah khuldi yang bergentayangan di pohon rendah, sehingga sanggup menggadai segala-galanya.

Saudara dan saudari,

Bertolak dari situlah, bagi bangsa Melayu khususnya, perasaan mereka amat terhiris kerana ikrar budiman yang telah dipateri di ambang merdeka kini diungkit kembali. Sedangkan, berpayung sumpah dan janji itulah kita sanggup membuat pengorbanan terbesar bagi mencapai sebuah kemerdekaan, yakni berkongsi pemilikan Tanah Melayu dengan kaum-kaum yang lain.

Serentak dengan itu, penerimaan kerakyatan yang berasaskan prinsip jus soli atau hak tempat kelahiran berbanding prinsip jus sanguinis yakni hak darah dengan sekelip mata telah mentransformasikan landskap sosiopolitik Tanah Melayu untuk selama-lamanya.

Dek kerana itu, kita tidak boleh lagi hidup terpenjara kisah nan lalu tanpa melihat ke hadapan. Pokoknya di sini, seperti mana prinsip keutuhan sebarang kontrak yang dibuat di bawah lembayung kedaulatan undang-undang, jika tidak dihormati, maka tiadalah kepastian, walaupun bagi perkara-perkara asas yang telah dipersetujui bersama.

Analoginya di sini, jika ia berlaku dalam bidang perniagaan, maka pihak yang berbuat demikian akan mendapati diri mereka, tidak lagi dipercayai oleh sesiapa pun, apabila memungkiri janji.

Seterusnya lagi, jika ikrar setia yang telah diwaad, dilanggar sewenang-wenangnya apabila tidak sesuai dengan selera atau kepentingan tertentu, akan hancurlah ke-



DATUK Seri Najib Razak menaikkan bendera UMNO dan disaksikan oleh Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin sambil menyanyikan lagu Negaraku dan lagu UMNO sempena Perhimpunan Agung UMNO Ke-61, semalam.

taan) kuota perkhidmatan dan permit untuk orang Melayu.

Seterusnya, saudara dan saudari, kita mesti memahami dan mengetahui bahawa, pindaan terhadap artikel-artikel ini tidak boleh dilakukan tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja mengikut Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan. Ia ditambah kukuh pula oleh Perkara 10 Fasal 4, yang memberi kuasa kepada Parlimen, bagi menggubal undang-undang, melarang perbuatan mempersoal apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau hak kedaulatan yang ditetapkan atau dipelihara oleh peruntukan Bahagian 3, Perkara 152, 153 dan Perkara 181.

Sehubungan hal ini, hendaklah kita mengetahui bahawa apa yang menjadi polemik hebat hari ini, sama ada tentang kerakyatan selepas merdeka atau hak istimewa orang Melayu sebenarnya, sudah menjadi perdebatan akademik. Ini kerana, dari segi perundangan, peruntukan-peruntukannya sudah pun tersurat dan sekali gus terpateri emas.

Seandainya mempunyai majoriti dua pertiga dalam Parlimen pun, tidak akan mampu mengubah setitik apa jua, tanpa kebenaran Majlis Raja-Raja Melayu. Dalam kata lain, sia-sia saja jerit pekik untuk menggunakan peruntukan mengenai kerakyatan bagi mengancam kaum lain kerana peruntukan yang tertulis ini begitu konkrit sekalipun darurat diisytiharkan, ia tetap tidak boleh disinggung.

memperdagang fitnah, mengadun madu dengan tuba, meleceh pengorbanan dan tanpa segan silu, mengajak kita menikmati buah khuldi yang bergentayangan di pohon rendah, sehingga sanggup menggadai segala-galanya”

“ Seandainya mempunyai majoriti dua pertiga dalam Parlimen pun, tidak akan mampu mengubah setitik apa jua, tanpa kebenaran Majlis Raja-Raja Melayu”

Perhimpunan Agung UMNO Ke-61



DATUK Seri Najib Razak diiringi Ketua Wanita, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin dan Ketua Puteri, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin memeriksa perbarisan pada Perhimpunan Agung UMNO 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Melayu tak boleh berpuas hati

Bangsa mundur tergadai harga diri, ketinggalan zaman

Ironisnya, banyak pihak hanya menumpukan kepada runtuhnya empayar Melayu ini kerana pengkhianatan dari dalam. Ya, memang benar ini sebahagian sebabnya. Tetapi fakta yang tidak kurang penting untuk diambil iktibar ialah ehwal tentera kedua-dua pihak, masing-masing ternyata memperlengkap persenjataan peperangan untuk era yang berlainan.

Maksud saya, pihak Portugis menggunakan senjata yang moden untuk zamannya, dengan senapan dan meriam, sedangkan pertahanan Melaka waktu itu masih menggunakan senjata yang sesuai dengan zaman yang telah berlalu. Walaupun keris, tombak dan lembing menjadi lambang kepahlawanan, namun ia ternyata tidak mampu menewaskan bedil dan meriam. Begitulah resam dan ketetapan, sunnah putaran alam.

Saudara dan saudari,

Oleh yang demikian amatlah mustahaknya Melayu alaf ke-3, Melayu abad ke-21 dipersediakan untuk eranya. Dari begitu obsesi terhadap hak, sebaliknya Melayu abad ke-21 wajib mempersiapkan diri untuk memanfaatkan hak yang ada. Apa gunanya kuota, rizab dan permit jika segalanya dipersiapkan. Apa gunanya peluang jika ia digadai demi keuntungan jangka pendek.

Lalu, Melayu abad ke-21 harus gigih membina keupayaan dan kemampuan, bukannya sekadar mendabik perabang-perabang dada bahawa mereka harus beriya-iyanya



“ Mengatasi semua perkara, tumpuan kita sekarang ini adalah terhadap gerak kerja parti. Gerak kerja UMNO sebagai sebuah parti siasah mesti berubah. Kendati begitu, UMNO harus kekal berpegang teguh kepada tujuan asalnya,

Di sebalik semuanya, suka tidak suka, ada sebab yang amat kuat mengapa perkara-perkara ini tidak dibenarkan untuk dipinda kecuali dengan perkenan Majlis Raja-Raja. Hikmahnya, adalah supaya peruntukan-peruntukan itu diletakkan luar daripada forum perbincangan. Jika dibuka juga kepada perbincangan, maka kita bimbang, kita khuatir, ia akan membangkitkan keresahan serta mengapi-apikan 'primordial instinct' atau naluri asal wujud antara etnik.

Di atas segalanya, rakyat Malaysia perlu sedar bahawa sejarah telah menunjukkan tidak kira betapa majunya sesebuah ekonomi, betapa berevolusinya sesebuah tamadun, betapa terpelajarnya manusia dan betapa tinggi tahap toleransi, seandai dan sekiranya naluri asal wujud ini tidak diurus dengan baik, kesannya kelak, kita mungkin menyaksikan kezaliman yang sangat dahsyat bakal terjelma, dinyalakan oleh sikap dan disemarakkan sifat tabie manusiawi itu sendiri.

Apa yang saya perkatakan ini tidak menghairankan. Di abad ke-20 kita telah dipampangkan dengan kes-kes hukuman tanpa percakapan di Amerika Syarikat, tragedi 'holocaust' di benua Eropah, penyembelihan rakyat Palestin di Asia Barat serta penghapusan etnik di Bosnia dan Rwanda. Jadi, bayangkanlah, apakah kesudahannya, jika setiap generasi rakyat Malaysia mengambil pendirian untuk mempersoal kewajaran kontrak sosial kebangsaan yang telah dimua-

katkan pendahulu mereka sebelum ini.

Akibatnya, akan lebih pantas terutama dalam dunia tanpa sempadan dengan kecanggihan sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang sentiasa berkembang. Pucuk pangkalnya, saudara dan saudari, mengapa mahu diubah apa yang telah berjalan dengan begitu baik. Janganlah yang elok menjadi retak, janganlah yang bersambung menjadi putus.

Saudara dan saudari,

Merentasi situasi ini, sebagai orang Melayu yang merupakan kaum majoriti, kita mempunyai tanggungjawab kepemimpinan untuk ditunaikan. Satu tanggungjawab moral kepemimpinan yang melangkaui kepentingan kaum kita sendiri. Tanggungjawab ini secara alami telah tertakdir dan tertanggung ke atas orang Melayu disebabkan kita adalah dalam rumpun majoriti yang membentuk 67 peratus daripada penduduk Malaysia. Seperti yang telah saya bicarakan di awal ucapan tadi, ketentuan ini disahihkan lagi oleh faktor sejarah serta sikap dalaman bangsa itu sendiri.

Begitulah, suratan satu bangsa yang terpilih menerajui kemajmukan. Kepercayaan yang terus-terusan diberi oleh kaum-kaum lain sewajibnya menjadi perangsang agar orang Melayu sentiasa memperbaiki diri dan terkedepan sebagai pemudahcara antara kaum.

Dalam pengertian lain, di arus kemodenan dan kerancangan globalisasi, soal hak, harga diri dan asal-usul tidak lagi membawa apa-apa makna jika bangsa kita mundur

dan ketinggalan. Secara automatik rasa hormat, rasa menaruh harap oleh pihak lain kepada kita juga akan luntur. Dek yang demikian, pada saat ini juga kita perlu bingkaskan bangun dan berlari deras bagi menggapai justifikasi peranan umat Melayu dengan penuh berhemah lagi profesional.

Gerak kerja UMNO

Saudara dan saudari,

Menjengah ke hadapan, sebermula Perhimpunan Agung Mac 2009, pelbagai rencana dan perancangan rapi serta strategi telah disusun. Jadinya, kita tidak boleh lagi lengah-lengah dan membuang masa. Mengatasi semua perkara, tumpuan kita sekarang ini adalah terhadap gerak kerja parti. Gerak kerja UMNO sebagai sebuah parti siasah mesti berubah. Kendati begitu, UMNO harus kekal berpegang teguh kepada tujuan asalnya, sebagai sebuah parti Melayu massa yang mampu mengungkap aspirasi bangsa.

Laksamana Hang Tuah menyebut, takkan Melayu hilang di dunia. Begitulah, bangsa Melayu terutama di rantau ini, telah menjelajah zaman dan menempuh rangkaian suka duka. Ketahuilah, 2011 yang bakal menjelang bukanlah sembarangan. Ia menandakan genapnya tempoh 500 tahun, sejak kejatuhan empayar Melayu Melaka. Di sini, kita harus mengambil pengajaran kenapa sebuah empayar begitu hebat di Kepulauan Melayu yang menjadi persinggahan perdagangan dua benua telah rebah dijajah Portugis.

hawa mereka harus berjaya kerana ia adalah hak mereka untuk berjaya. Mahu tidak mahu, Melayu abad ini harus berdepan realiti untuk meraih kejayaan.

Kita harus menjadi Melayu yang global. Saudara dan saudari, saya ingin bertanya, apa kurangnya bangsa Melayu? Melayu...seharusnya mampu bersaing dengan yang terbaik. Melayu...seharusnya mampu bertarung dengan yang paling kuat. Melayu...mesti menjadi yang terhebat di pentas antarabangsa.

Justeru, saya sebagai Presiden UMNO...tidak mahu...menerima alasan bahawa anak Melayu masih lemah kesan penjajahan hampir lima kurun. Saya sebagai Presiden UMNO berserta rakan-rakan pimpinan dalam parti juga tidak rela...melihat bangsa Melayu menjadi bangsa yang meminta-minta, kita tidak mahu...melihat bangsa Melayu menjadi bangsa yang berpuas hati dengan momokan rezeki se-cupak takkan jadi segantang.

Dengan tegas, saya ingin ingatkan semua bahawa, pertarungan hari ini adalah pertarungan minda dan kemahiran. Siapa yang berilmu, siapa yang menguasai maklumat, dialah kudrat yang mempengaruhi persekitaran. Oleh itu, janganlah kita mengambil jalan mudah dengan bersifat dogmatik dan berpuas hati dengan bentuk berbanding isinya.

Saudara dan saudari,

Kepada semua pihak hendaklah menyedari, bukannya apa yang Malaysia capai selama lima puluh tiga

kepada tujuan asalnya, sebagai sebuah parti Melayu massa yang mampu mengungkap aspirasi bangsa"

“ Saya sebagai Presiden

UMNO...tidak mahu...menerima alasan bahawa anak Melayu masih lemah kesan penjajahan hampir lima kurun. Saya sebagai Presiden UMNO berserta rakan-rakan pimpinan dalam parti juga tidak rela...melihat bangsa Melayu menjadi bangsa yang meminta-minta, kita tidak mahu...melihat bangsa Melayu menjadi bangsa yang berpuas hati dengan momokan rezeki se-cupak takkan jadi segantang”

Perhimpunan Agung UMNO Ke-61



UMNO tunai amanah martabat bangsa

Tiga fasa pemulihan bina masa depan lebih cemerlang, berdaya saing

DARI MUKA 35

tahun kemerdekaan adalah juga hasil usaha dan penerajuan bangsa Melayu? Lantas, kita menjadi lemas dan rimas dewasa ini, apabila kedengaran suara-suara sumbang yang cuba memperlecehkan pencapaian orang Melayu. Benar sekali, amat mudah bagi lidah tidak bertulang membuat nista. Mereka dengan suka-suka menuduh perkhidmatan awam sebagai lubuk ketidakekapan.

Walhal, jika perkhidmatan awam negara tidak kompeten, sudah lama kita menjadi negara gagal, tidak mungkin pula akan berjaya berkembang sebegini dari negara pertanian berpendapatan rendah kepada sebuah negara perindustrian moden.

Terbukti lagi selama ini, kita telah berjaya tanpa perlu ada pangkalan tentera asing di bumi bertuah ini untuk memberi payung keselamatan. Kita juga berjaya...tanpa perlu keabsahan sebagai negara bangsa yang merdeka dan berdaulat dipertikaikan. Kita juga telah berjaya...bersama pelbagai kaum membina tanah air keramat ini.

jadi bangsa yang melukut di tepi gantang, bangsa yang menjadi dagang di negeri sendiri. Kita komited untuk melakukan bukan saja apa yang terbaik, tetapi apa yang betul demi untuk rumpun Melayu. Kita tidak mampu untuk tenggelam dalam keasyikan lampau. Nyatanya, kita bukan saja berhadapan dengan cabaran luar tetapi juga cabaran segelintir anak-anak bangsa yang nampaknya sanggup menggadai segala demi kuasa.

Sebagai pengajaran dari semua ini, orang UMNO tidak boleh hilang harapan atau bergundah gulana. Ajaran agama Islam juga sangat melarang kita berputus asa. Kita sebagai ahli parti dan orang UMNO tidak mampu untuk terumbang-ambing di kubang kecewa dalam kekalahan, malah kita juga tidak mudah-mudah nak membiarkan UMNO musnah.

Demi, membina masa depan, demi terus mendaya bangsa ini, kita harus melalui tiga fasa pemulihan. Fasa pertama dan terpenting adalah memperakui kelemahan dan masalah yang kita hadapi. Fasa kedua adalah untuk membuat muha-

ngasas UMNO telah meninggalkan parti. Kemudiannya, PAS telah ditubuhkan oleh salah seorang calon Presiden yang tewas kepada Almarhum Tunku dalam pertandingan menggantikan Datuk Onn sebagai pemimpin baru UMNO.

Menjelang 1969, UMNO dan rakan-rakannya telah hilang buat kali pertama majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat, sekali gus kita dihadapkan dengan rusuhan kaum dan demokrasi terpaksa digantung. Dunia ketika itu, sudah seperti melambai selamat tinggal kepada UMNO. Detik cemas 1987 pula menyaksikan parti berpecah dua dan negara menghadapi insiden ketegangan kaum.

Setahun kemudian, pada 1988, kita berasa amat pilu dan begitu berseidih hati, bagai kilat turun menyambar, bagai garuda datang menyerang, hilang sudah tempat berteduh, patah ranting tempat berpaut, dengan sungguh rasa berhibahiba dan pilu, kita terpaksa menerima keputusan dan berita, bahawa, parti UMNO yang sangat berjasa dan menggal baktinya ini telah diharamkan.

keadaan di mana segala faktor yang ada seolah-olah tidak langsung berpihak kepada kita.

Semuanya ini kerana ahli-ahli dan pemimpin UMNO terus berpijak di bumi nyata. Semuanya ini juga dimungkinkan kerana ahli-ahli dan pemimpin UMNO tidak pernah sedetik pun pudar keyakinannya terhadap perjuangan benar ini, tidak pernah pula sesaat pun luluh harapan kepada pucuk pimpinan. Pokoknya, pegangan mulia UMNO telah memanfaatkan bukan saja orang Melayu tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Hakikatnya, kitalah parti politik pertama yang berani meluaskan medan pemilihan sehingga memabitkan 140,000 orang ahli. Sebelum kita meminda Perlembagaan pun, kita terkenal dengan parti politik yang amat kompetitif pertandingannya.

Demikianlah murninya impian kita. Demikianlah tulusnya langkah keramat UMNO. Demikianlah menggunungnya harapan orang Melayu.

Makanya, bolehkah kita percaya kemakmuran Malaysia akan terus



“Bolehkah kita percaya

kemakmuran Malaysia akan terus terpelihara sekiranya parti-parti lawan yang kelam kabut, babrak dan goyah memegang tampuk

Diperakui, kita ada kelemahan, namun kita tetap mampu pada setiap masa bangkit mengatasi cabaran kelemahan yang dihadapi dengan kudrat, acuan dan cara kita sendiri tanpa bergantung kepada negara lain.

Saudara dan saudari,

Mendepani segalanya, UMNO akan tetap menunaikan amanahnya untuk memartabatkan bangsa, agama dan negara. Kita melakukannya bukan saja semata-mata melalui kata puitis yang muluk-muluk bahkan dengan inisiatif, program dan dasar yang konkrit.

UMNO tidak sekali-kali akan membiarkan bangsa Melayu men-

sabah dan mencari penawar yang mustajab memperbaiki kekurangan itu. Fasa ketiga pula adalah memulakan gerak kerja. Apa yang penting, ketiga-tiga fasa ini wajib dilalui dengan penuh ketertiban. Jika tidak, rencana perubahan dan pembaharuan tidak akan berjaya.

Penutup

Saudara dan saudari,

UMNO bukanlah sebarang parti, UMNO lahir daripada suara hati dan aspirasi orang Melayu. Menelusuri perjalanannya, UMNO telah dilanda rentetan dugaan yang besar. Tahun 1951, Presiden dan Pe-

Selanjutnya, di akhir 90an, kita bukan saja menghadapi krisis kewangan antarabangsa, kita turut mengalami kemuraman politik apabila ramai orang Melayu telah tidak lagi memberi sokongan. Kita kemudiannya dilintangi oleh tsunami politik pada 2008 yang amat men-debakkan.

Saudara dan saudari,

Alhamdulillah, walau apa pun jua rintangan, walau apa pun jua dugaan, pada setiap yang terus berusaha, tabah dan bertawakal kepada Allah Yang Maha Kuasa, kemenangan pasti tiba. Syukur, dalam setiap krisis, UMNO telah berjaya bangkit kembali dan pulih dalam

terpelihara sekiranya parti-parti lawan yang kelam kabut, babrak dan goyah memegang tampuk kuasa? Bolehkah rakyat Malaysia meletakkan kepercayaan terhadap mereka ini yang saban waktu dan saban masa hanya mengidam menduduki pusat pemerintahan? Sanggupkah kita menyerahkan Malaysia tercinta ini kepada pengkhianat bangsa dan tanah air? Sesungguhnya, kepada saudara dan saudarilah nasib parti kita dipertaruhkan. Dalam genggaman saudara dan saudarilah pembelaan UMNO kita dambakan. Di bahu saudara dan saudari sekalianlah, tergalas, warisan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu ini.

Ayuh, jangankan gerimis, hujan pun mari kita redahi...Jangankan ribut, taufan pun mesti kita harungi... Jangankan air bah, gelombang badai pun harus berani kita renangi... Jangankan gerhana, kelam gelita pun pasti kita terangi.

Maka, kepada semua saya berpesan, kepada semua saya beri pedoman, janganlah kita terpalit damak beracun sandiwara lawan yang hanya menempah alam kegagalan. Berpasaklah kepada parti UMNO. Bertetaplah kepada panji-panji Barisan Nasional. Walau berkecai tulang dan juga badan, walau bercerai jasad dari nyawa. Saudara dan saudari, walau apa pun yang terjadi, Putrajaya mesti kita pertahankan!

Demi Islam, Demi Melayu dan Demi Malaysia. Bersamalah Menda Bangsa, Meneraju Kemakmuran. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Perhimpunan Agung UMNO kali ke-61, 2010. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

menegang rampan
kuasa? Bolehkah rakyat Malaysia meletakkan kepercayaan terhadap mereka ini yang saban waktu dan saban masa hanya mengidam menduduki pusat pemerintahan? Sanggupkah kita menyerahkan Malaysia tercinta ini kepada pengkhianat bangsa dan tanah air? Sesungguhnya, kepada saudara dan saudarilah nasib parti kita dipertaruhkan. Dalam genggaman saudara dan saudarilah pembelaan UMNO kita dambakan. Di bahu saudara dan saudari sekalianlah, tergalas, warisan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu ini”



DATUK Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyidin Yassin bersama Ahli Majlis Tertinggi menyanyi lagu Negaraku pada Perhimpunan Agung UMNO 2010 di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.